

KONFLIK MASYARAKAT DALAM ADAPTASI DRAMA AYAHANDA BERDASARKAN TEORI KONFLIK MAX WEBER

Social Conflict in Ayahanda Drama Adaptation Based on Max Weber's Conflict Theory

**Wahidurafie Jafar*, Nurul Tasha Zuraimi, Nur Aisyah Roslee,
Nurin Nadhirah Ahmad Zaki, Sudirman Kiffli⁵**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan,
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia
rafiejafar06@gmail.com*, nurult445@gmail.com, aisyahyixing@gmail.com,
nurinnadhirah40@gmail.com, Sudirman.k@umk.edu.my

Diterima: 15 April 2025; **Disemak semula:** 20 Mei 2025 **Diterima:** 25 Mei 2025; **Diterbitkan:** 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Jafar, W., Zuraimi, N. T., Roslee, N. A., Ahmad Zaki, N. N., & Kiffli, S. (2025). Konflik masyarakat dalam adaptasi drama Ayahanda berdasarkan Teori Konflik Max Weber. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 56-66. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.5.2025>

ABSTRAK

Pengadaptasian teks sastra ke dalam bentuk layar perak seperti filem atau drama bersiri merupakan salah satu kaedah yang berkesan dalam memberi pemahaman kepada masyarakat terhadap sesuatu karya teks sastra. Namun begitu, timbul beberapa permasalahan kajian yang membuatkan kajian ini dijalankan seperti konflik agama yang melanda masyarakat, konflik dalam ahli keluarga disebabkan keegoan diri dan kurangnya pengadaptasian karya sastra berkualiti ke bentuk layar perak. Oleh hal yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti konflik masyarakat yang ditampilkan dalam drama dan novel *Ayahanda* berdasarkan Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber pada tahun 1905. Seterusnya, reka bentuk kajian ini menggunakan kualitatif deskriptif dengan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kepustakaan dan carian internet berserta menggunakan analisis teks dan analisis kandungan filem untuk mengumpul dan menganalisis data. Hasil dapatan kajian membuktikan terdapat pelbagai konflik masyarakat yang timbul dalam drama dan novel *Ayahanda* dan pengkaji telah membahagikan konflik-konflik tersebut kepada empat kategori iaitu konflik politik, konflik ekonomi, konflik sosial dan konflik agama. Oleh itu, sesebuah teks sastra amat penting untuk diadaptasi ke dalam bentuk layar perak agar memberi pemahaman yang jelas kepada masyarakat.

Kata Kunci: adaptasi, drama, novel, konflik, masyarakat

ABSTRACT

Adapting a literary text into a silver screen such as a film or serial drama is one of the effective methods in giving the public an understanding of a literary text. However, there were some research problems that made this study to be carried out such as religious conflicts that hit the community, conflicts in family members due to selfishness and the lack of adaptation of quality literary works to the silver screen. As such, this study focuses on identifying the social conflict featured in the play and novel *Ayahanda* based on the Conflict Theory developed by Max Weber in 1905. Next, the design of this study uses descriptive qualitative by using several methods such as library methods and internet searches along with using text analysis and film content analysis to collect and analyze data. The results of the study prove that there are various social conflicts that arise in the drama and novel *Ayahanda* and the researcher has divided these conflicts into four categories, namely political conflict, economic conflict, social conflict and religious conflict. Therefore, a literary text is very important to be adapted into the form of a silver screen in order to give a clear understanding to the public.

Keywords: adaptation, drama, novel, conflict, community

PENGENALAN

Sejak abad ke-20, novel-novel sastera telah mula mendapat tempat di hati barisan pengarah dalam dijadikan sumber untuk dibawa ke layar perak yang dikenali sebagai filem adaptasi. Pengarah tempatan dan antarabangsa mula giat mengadaptasi novel-novel sastera meskipun sambutan yang diberikan oleh penonton tidak serancak daripada pengadaptasian novel picisan. Barisan pengarah yang berminat untuk mengambil novel sastera sebagai bahan untuk dijadikan filem disebabkan mereka tertarik dengan plot yang dihasilkan oleh penulis yang dilihat berpijak di bumi yang nyata berbanding novel picisan yang dipengaruhi oleh unsur khayalan dan fantasi.

Selain itu, setiap penulisan yang dihasilkan oleh sasterawan tersebut kadang-kadang tidak mampu dibayangi oleh pembaca kerana tidak semua penulisan yang dikarang oleh sasterawan dapat difahami dengan jelas maksud yang ingin disampaikan oleh sasterawan. Sehubungan dengan itu, kehadiran teknologi yang jauh lebih canggih mampu memudahkan masyarakat untuk memahami dengan lebih jelas apakah situasi sebenar yang berlaku dalam sesebuah plot tersebut. Contohnya, sebuah novel daripada Amerika Syarikat yang bertajuk *To Kill a Mockingbird* (1960) karya Harper Lee telah diadaptasi ke dalam bentuk filem dengan tajuk yang sama pada tahun 1962 oleh Robert Mulligan's. Novel tersebut memaparkan realiti rakyat Amerika Syarikat ketika di era *Great Depression* (1920-1930) yang mengamalkan rasisme dan sikap prejudis antara kulit hitam dengan putih. Oleh yang demikian, penonton dapat melihat sisi gelap perpaduan masyarakat Amerika Syarikat pada masa dahulu dan memberi didikan kepada masyarakat untuk membuang semangat kekitaan dalam masyarakat.

Tidak ketinggalan juga, terdapat pengarah tanah air pada abad yang sama turut bereksperimen dengan novel sastera tempatan untuk dijadikan bahan dalam mewujudkan sebuah karya filem mereka. Terdapat beberapa novel Sasterawan Negara yang menampilkan tema konflik masyarakat berjaya diangkat ke dalam bentuk filem. Antaranya ialah novel *Juara* (1978) karya S. Othman Kelantan yang diadaptasi ke dalam bentuk filem dengan tajuk *Jogho* pada tahun 1997 arahan U-Wei Hj. Saari. Menurut Wan Hasmah Wan Teh & Md. Salleh Yappar (2015), filem-filem yang diarahkan oleh U-Wei kebanyakannya menekankan isu-isu berkaitan bangsa, budaya dan falsafah tentang kehidupan. Disebabkan oleh itu, novel *Juara* dipilih sebagai bahan dalam beliau menghasilkan filem kerana novel tersebut memaparkan pertembungan budaya antara dua negara iaitu Melayu Kelantan di Malaysia dengan Melayu Pattani di Thailand yang pada pendapat beliau harus dipertontonkan kepada masyarakat umum tentang falsafah kehidupan mereka.

ADAPTASI KARYA TEKS KE DALAM BENTUK FILEM

Pengadaptasian karya teks ke dalam bentuk visual mempunyai beberapa kaedah yang tertentu mengikut kehendak pengarah filem itu sendiri. Menurut Desmond & Hawkes (2006), terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh pengarah untuk mengadaptasi karya sastera iaitu adaptasi tertutup, adaptasi sederhana dan adaptasi longgar. Kaedah adaptasi tertutup merupakan kaedah yang mengekalkan keaslian naratif yang terdapat dalam karya asal secara keseluruhan hanya sedikit yang unsur yang ditambah atau dibuang. Kaedah adaptasi sederhana pula merupakan kaedah yang berada di tengah-tengah sekala antara adaptasi tertutup dengan longgar yang hanya sesetengah unsur naratif teks sahaja dikekalkan dalam filem manakala sesetengah lagi ditambah dengan unsur naratif yang lain. Kaedah adaptasi longgar pula merupakan kaedah yang membuang sebahagian besar unsur naratif yang terdapat dalam karya asal dan menambah unsur naratif luar yang baharu dalam penghasilan sebuah filem adaptasi tersebut. (Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md Salleh Yaapar, 2015).

Drama *Ayahanda* (2019) arahan Ahmad Tarmimi Siregar yang diadaptasi dari novel *Ayahanda* (1997) karya Azizi Hj. Abdullah dikesan telah menggunakan kaedah adaptasi sederhana (intermediate adaptation) dalam menghasilkan drama tersebut. Hal ini disebabkan terdapat sesetengah perkara yang berlaku dalam novel tersebut mampu diadaptasi ke dalam bentuk visual dan ada yang tidak kerana kesesuaian zaman, perubahan teknologi dan stigma masyarakat yang memerlukan plot tersebut diubah sesetengahnya perlu diubah namun masih mengekalkan keaslian karya asal. Menurut Field (1990), sesebuah karya yang diadaptasi daripada karya yang lain dibolehkan untuk menukar, menyelaras atau

mengubah sesuatu karya tersebut tanpa meninggalkan keaslian karya asal agar dapat mencipta struktur, fungsi dan bentuk cerita yang lebih baik dan bersesuaian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat yang mendiami sesebuah tempat atau wilayah pasti tidak lari daripada berselisih pendapat atau pandangan dalam membuat keputusan atau mengambil tindakan. Hal ini menyebabkan lahir beberapa kumpulan tertentu sehingga menyebabkan perpaduan masyarakat semakin longgar. Permasalahan yang muncul dalam masyarakat bukan sahaja berlaku dalam konteks masyarakat secara besar namun turut berlaku kepada masyarakat dalam komuniti yang kecil seperti keluarga. Oleh yang demikian terdapat beberapa permasalahan yang sering muncul dalam sesebuah masyarakat.

Antaranya, wujud konflik yang berlaku dalam sesebuah keluarga yang berpunca daripada pergaduhan antara ahli keluarga akibat keegoan diri ahli keluarga masing-masing. Hal ini berlaku disebabkan terdapat sikap ahli keluarga yang merasakan diri mereka seorang ketua maka semua ahli keluarga perlu mengikuti pendapat dirinya. Hakikatnya, perkara ini bertentangan dengan pewujudan keluarga harmoni yang sebenar kerana keamanan dan keharmonian sesebuah keluarga bergantung kepada penggunaan komunikasi yang tepat dan sebenar. Oleh hal yang demikian, Aziyah Abu Bakar (2015) turut menyokong dengan menyatakan komunikasi dalam keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan keharmonian atau tidak dalam sesebuah keluarga.

Selain itu, terdapat perbezaan pendapat dalam masyarakat Islam berkaitan agama Islam pada hari ini berpunca daripada kegagalan masyarakat untuk mempelajari ilmu agama dengan lebih mendalam dan hidup dengan suasana hedonisme. Hal ini menyebabkan timbul dua golongan yang mengamalkan ajaran agama Islam iaitu golongan sekular dan golongan yang betul-betul mempraktikkan agama Islam. Golongan sekular akan menggunakan logik akal dalam bertindak dan lebih mengikut budaya Barat dalam mereka mengamalkan ajaran agama Islam. Golongan ini gemar menimbulkan keraguan kepada masyarakat berkaitan sesuatu hukum yang dilarang dan sering menimbulkan syak seperti larangan memegang anjing dan cubaan menormalisasikan perkara yang dilarang syarak. Hal ini ditentang kuat oleh golongan yang mengamalkan syariat kerana perkara yang dilakukan oleh golongan sekular tersebut dilihat salah di sisi agama. Kefahaman Islam yang rendah disebabkan mereka tidak mempelajari agama dengan lebih mendalam menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat Islam. Pernyataan ini disokong oleh Nur Azuki Yusuff (2015) yang menyatakan pendidikan dan persekitaran sosial tidak sihat menyumbang kepada salah faham agama dalam ahli masyarakat.

Akhir sekali, barisan pengarah dan penerbit tidak berminat dalam menghasilkan filem adaptasi daripada novel sastera yang kaya dengan konflik masyarakat. Mereka lebih berminat mengadaptasi novel-novel picisan berbanding novel sastera kerana penonton lebih berminat dengan karya yang menampilkan unsur romantik, aksi dan isu-isu yang tidak berpijak di bumi yang nyata. Waima, sekiranya novel sastera ini diadaptasi ke dalam bentuk filem maka sudah tentu masyarakat akan dididik dengan mesej yang lebih jelas tentang isu masyarakat dan mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku daripada filem tersebut. Filem yang mengadaptasi karya Sasterawan Negara atau sasterawan tempatan dilihat jarang-jarang sekali muncul dalam panggung wayang gambar. Hal ini turut disokong oleh Norhidayu Kasim (2006) yang memberikan pendedahan berkaitan filem adaptasi daripada novel berkualiti di Malaysia dari tahun 1950 hingga 2005 menunjukkan jumlah yang sedikit sahaja iaitu hanya terdapat sembilan buah filem sahaja pada masa itu.

SOROTAN KAJIAN

Barisan pengarah yang berminat mengadaptasi novel ke dalam bentuk filem dilihat tidak mengadaptasi secara keseluruhan kandungan yang terdapat dalam novel tersebut. Terdapat sebuah makalah yang dihasilkan oleh Nur Nafisah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid yang membincangkan

berkaitan isu ini dengan membawa tajuk *Kesetiaan Kepada Teks: Dari Novel Ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan* yang diterbitkan pada tahun 2012. Objektif makalah ini pula menumpukan kepada mengenalpasti dan menganalisis kesetiaan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* terhadap filem *Ranjau Sepanjang Jalan*. Makalah ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menggunakan dua jenis analisis kajian iaitu analisis kandungan filem dan analisis teks. Berdasarkan perbincangan makalah ini, pengarah filem ini berjaya memasukkan sebahagian besar elemen yang terdapat dalam karya asal seperti gaya bahasa dan kaedah penyampaian novel ke dalam dialog watak-watak dalam filem tersebut sehingga penonton dapat merasai emosi yang disampaikan dalam novel tersebut. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana seseorang pengarah mampu membawa plot ke dalam filem tersebut dengan jayanya tanpa mengambil unsur luar untuk dimasukkan ke dalam filem.

Selain itu, terdapat sebuah membaca makalah yang dihasilkan oleh Wan Hasman Wan Teh dan Md. Salleh Yaapur yang bertajuk *Pandangan S. Othman Kelantan Dan U-Wei Haji Shaari Terhadap Masyarakat Melayu Kelantan Dan Patani: Adaptasi Daripada Novel Juara Kepada Filem Jogho* (2015). Makalah ini ditimbulkan disebabkan wujud perbezaan pandangan antara U-Wei Haji Shaari selaku pengarah filem *Jogho* dengan S. Othman Kelantan selaku pengarang novel *Juara* dalam menyampaikan kandungan cerita kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis perbezaan pandangan yang terdapat dalam kandungan filem dan novel tersebut. Sementara itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dan menggunakan teori adaptasi yang diperkenalkan oleh Klein dan Parker pada tahun 1981 yang mana teori ini dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu terjemahan dasar yang mengekalkan kesetiaan terhadap karya asal, tafsiran semula dengan mengekalkan struktur asas naratif atau dalam keadaan tertentu meleraikan karya asal dan menjadikan karya asal hanya sebagai bahan mentah untuk menghasilkan karya baharu., kajian ini membataskan kajian kepada menggunakan dua sumber sahaja iaitu filem *Jogho* (1997) dan novel *Juara* (1987) sebagai sumber kajian makalah ini. Oleh itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa U-Wei Haji Shaari telah melakukan beberapa rombakan terhadap karya asal yang dihasilkan S.Othman Kelantan dari segi watak dan adegan agar menghasilkan sebuah karya bertafsiran baru. Namun begitu, terdapat beberapa elemen yang masih dikekalkan oleh beliau seperti latar tempat dan masa serta tema yang digunakan dalam novel tersebut. Justeru, makalah ini dilihat mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu mengkaji novel yang diadaptasi ke dalam bentuk visual namun mempunyai perbezaan dari segi novel dan filem yang dikaji.


Di samping itu, pengkaji juga telah membaca sebuah tesis yang dihasilkan oleh Wan Hasmah Wan Teh yang bertajuk *Proses Adaptasi: Kajian Lapan Karya Terpilih Dari Malaysia Dan Indonesia* (2014). Tesis ini diwujudkan kerana filem adaptasi sering mengabaikan konsep 'kesetiaan' terhadap teks karya asal. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis perbezaan yang terdapat dalam novel dan filem adaptasi tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini membataskan kepada lapan buah filem adaptasi sahaja iaitu *Langit Petang* (1982), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983), *Mira Edora* (1990), *Jogho* (1997), *Salah Asuhan* (1972), *Badai Pasti Berlalu* (1977), *Ayat-Ayat Cinta* (2008), dan *Laskar Pelangi* (2008). Kemudian, reka bentuk kajian yang digunakan dalam tesis ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dan mengaplikasi beberapa kaedah adaptasi yang telah dianjurkan oleh sarjana Barat seperti Morris Beja, Geoffrey Wagner, Michael Klein dan Gillian Parker, Dudley Andrew, dan McFarlane. Tuntasnya, hasil dapatan kajian mendapati pengarah filem telah mengubahsuai akhiran cerita yang terdapat pada karya asal untuk diadaptasi ke dalam filem dan wujud pengklasifikasian filem adaptasi seperti longgar, pertengahan dan setia yang menentukan kejayaan atau kegagalan filem dalam menarik sambutan penonton terhadap filem adaptasi.

Seterusnya, perbincangan unsur konflik dalam sesebuah novel turut dibincangkan dalam bentuk makalah oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dengan tajuk *Unsur Konflik dalam Novel Nenek Karya Razali Endun* yang diterbitkan pada tahun 2018. Objektif kajian ini ialah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang wujud dalam novel *Nenek* berdasarkan perspektif humanistik Abraham Maslow. Reka bentuk kajian ialah kualitatif deskriptif sambil dibantu dengan Teori Humanistik oleh Abraham Maslow. Hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian ini ialah wujud beberapa aspek konflik yang melibatkan individu, politik, ekonomi dan keluarga yang terdapat

dalam novel ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi melihat konflik-konflik masyarakat yang berjaya ditimbulkan oleh penulis dalam novel ini bagi memberi pengajaran kepada masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kualitatif merupakan reka bentuk yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini disebabkan pengumpulan data dan maklumat hanya menumpukan kepada teks dan kandungan visual semata-mata. Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini bagi mendapatkan maklumat dan informasi yang tepat berkaitan isu kajian ini. Antaranya ialah kaedah perpustakaan dengan cara merujuk beberapa buah buku dan kamus yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, kaedah carian internet juga turut digunakan untuk mencari jurnal, makalah dan tesis dalam talian bagi mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan kajian ini dengan menggunakan enjin carian bahan ilmiah seperti Google Scholar, Academia, Discol Universiti Malaysia Kelantan dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat dua analisis kajian digunakan bagi mengenalpasti konflik yang terdapat dalam kedua-dua karya tersebut iaitu analisis teks bagi mencari konflik masyarakat yang terdapat dalam novel *Ayahanda* dan analisis kandungan visual bagi mengesan konflik yang diadaptasi ke dalam filem. Selanjutnya, teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan sebuah teori dari Barat iaitu Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber pada tahun 1905. Teori ini merupakan cabang daripada Teori Konflik yang diasaskan oleh Karl Max pada tahun 1874. Menurut Marx & Engels (1874), Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Wever merangkumi tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial termasuk agama.



Rajah 1: Kerangka Teori Konflik oleh Max Weber

KONFLIK YANG DIKESAN DALAM DRAMA DAN NOVEL *AYAHANDA*

Berdasarkan pendapat dari Timothy & Robbins (2008), konflik disimpulkan sebagai satu proses yang dibuat sengaja oleh individu tersebut dalam menghalang usaha yang dilakukan oleh orang lain dalam pelbagai bentuk halangan yang membuat orang lain berputus asa dalam usaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan atau menyedari minatnya. Oleh yang demikian, terdapat beberapa konflik yang ditemui dalam kedua-dua karya yang telah dikategorikan kepada empat bahagian yang menumpukan kepada politik, ekonomi, sosial dan agama. Pada dasarnya, konflik agama seharusnya diletakkan di bawah konflik sosial namun disebabkan novel ini merupakan novel yang menampilkan unsur keagamaan maka konflik agama diasingkan daripada konflik sosial. Konflik sosial hanya menumpukan kepada perbezaan

pendapat dan pergaduhan antara masyarakat kampung (sosial besar) dengan konflik yang berlaku dalam keluarga (sosial kecil). Konflik ekonomi pula menumpukan kepada masalah yang berlaku dalam golongan miskin dan golongan kaya dari segi gaya hidup, kos sara hidup dan mata pendapatan. Konflik politik menumpukan kepada konflik yang wujud antara golongan pemerintah (ketua) dengan rakyat (pengikut) yang berlaku akibat sikap pemerintah yang mengambil sikap sambil lewa dan culas dalam menjalankan tanggungjawab bagi membantu rakyat.

KONFLIK POLITIK ANTARA GOLONGAN PEMERINTAH DENGAN RAKYAT

Menurut Weber (2015), sesebuah kumpulan yang berkuasa kebiasaannya akan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap golongan di bawah kerana mereka merasakan golongan di bawah tidak akan memberikan keuntungan kepada mereka. Perbalahan antara rakyat dengan pemimpin sering terjadi akibat sikap pemimpin yang mempunyai ego yang tinggi dan menggunakan kuasa veto sebagai pemerintah untuk bertindak sesuka hati termasuk dalam menentukan tindakan dan membuat keputusan sehingga mengakibatkan rakyat terkesan dan terpinggir dalam hal pembangunan. Musliza Ahmad & Malike Ibrahim (2014) menyatakan konflik politik yang berlaku dalam organisasi berpunca daripada sikap pemimpin yang gagal dalam membuat keputusan yang terbaik sehingga menjejaskan kepentingan dan matlamat organisasi termasuk organisasi. Berdasarkan pendapat tersebut, seorang pemimpin seharusnya bijak dalam menentukan segala perkara agar kepentingan dan matlamat sesebuah organisasi atau negara tidak terjejas dan segala kemahuan pengikut atau rakyat dapat diberi dengan sebaik mungkin.

Sikap sambil lewa yang membelenggu seorang pemimpin dilihat menimbulkan konflik dalam bidang politik. Hal ini disebabkan dia merasakan segala keinginan yang diinginkan oleh pengikut atau rakyat sebagai suatu perkara yang tidak penting dan tidak perlu diambil kira. Waima, perkara tersebut merupakan hal yang penting kerana segala kemahuan pengikut merupakan tanggungjawab pemimpin. Berikut merupakan adegan yang memaparkan segelintir masyarakat yang mengeluh dengan wakil pentadbiran di peringkat kecil mereka dan kemudian melakukan protes di atas tindakan tersebut:



Gambar 1: Tangkap layar yang menunjukkan ahli jawatankuasa masjid telah menghantar beberapa kali kertas kerja agar diberi peruntukan oleh pihak kerajaan namun tidak dilayan oleh mereka.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 3

Perkara ini berlarutan sehingga masjid yang digunakan oleh mereka ini roboh dan salah satu kayu tiang masjid tersebut menghempap Hj. Abdullah dan Hjh Noriah dan mereka berdua dimasukkan ke dalam hospital. Peristiwa ini viral di seluruh negara melalui media sosial dan media cetak dan pihak kerajaan tergesa-gesa menurunkan peruntukan melalui Majlis Agama Islam dan pejabat zakat. Hal ini menunjukkan golongan pemerintah hanya mengambil tindakan atau turun ke padang selepas berlaku sesuatu peristiwa buruk ke atas masyarakat dan perkara tersebut tersebar di seluruh negara. Berikut merupakan tangkap layar yang menunjukkan situasi tersebut.



Gambar 2: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Kasim memberitahu Hj. Abdullah berkaitan peruntukan yang diberi oleh badan kebajikan Islam kerajaan untuk membina masjid baharu dan pemberian sugu hati kepada Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 32:10

Situasi ini juga turut terdapat dalam karya asal yang diadaptasi drama ini iaitu novel *Ayahanda* yang turut memaparkan tindakan segera yang diambil oleh pihak kerajaan agar satu masjid baharu dapat dibina dengan segera:

Selepas kejadian buruk di mana emak dan bapa ditimpa alang masjid, Majlis Agama Islam dan pejabat zakat pun bertindak. Satu masjid baharu akan dibuat. Amat cepat tindakan mereka.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 48)

Oleh yang demikian, pengarah berjaya memasukkan plot berkaitan konflik politik ke dalam drama tersebut dengan baik sekali. Penonton dapat melihat situasi bagaimana Hj. Abdullah dan isterinya tinggal di hospital untuk beberapa ketika kesan daripada sikap pemimpin yang sikap acuh tak acuh terhadap keperluan rakyat bawahan. Seharusnya seorang pemimpin mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menyediakan prasarana yang berkualiti tinggi kepada rakyat. Sekiranya tidak, rakyat bawahan pasti akan menentang dan protes terhadap pemerintah kerana membiarkan prasarana yang digunakan secara harian tidak diselenggara atau dibina baharu.

KONFLIK EKONOMI YANG MELANDA GOLONGAN MISKIN

Menurut Weber (2007), konflik ekonomi boleh tercetus akibat persaingan dalam kumpulan masyarakat untuk mendapatkan sumber yang terhad. Berdasarkan pandangan Weber, persaingan yang berlaku dalam kumpulan masyarakat yang melibatkan dua golongan iaitu golongan miskin dan kaya mengakibatkan salah satu golongan ditindas oleh satu golongan yang lain. Meskipun pada abad kini penindasan tersebut tidak ketara kerana dasar hak sama rata yang diberikan oleh pemerintah namun golongan kaya masih terus kekal kaya manakala golongan miskin terus kekal miskin. Namun begitu, konflik ekonomi yang berlaku pada hari ini ialah wujud permasalahan yang berlaku dalam golongan itu sendiri seperti golongan kaya mempunyai masalah kewangan dan golongan miskin yang dibelengu dengan ketidakupayaan untuk membeli barangan keperluan. Konflik-konflik tersebut turut dikenalpasti dalam kedua-dua karya ini. Berikut merupakan adegan yang memaparkan konflik ekonomi yang melanda watak Hj. Abdullah dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 3 : Tangkap layar yang memaparkan perbualan Aziz dengan Noriah ketika Noriah mengadu barang kemasnya dijual untuk membeli penghawa dingin.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 40:20

Adegan ini memaparkan bapa atau Hj. Abdullah menggadaikan rantai emas pusaka milik isterinya untuk membeli kipas atau penghawa dingin untuk diletakkan dalam masjid. Perkara ini berlaku disebabkan watak ini tidak mempunyai duit yang banyak untuk membeli peralatan elektrik tersebut. Adegan ini merupakan adaptasi dari karya asalnya yang memaparkan situasi yang sama dengan drama. Berikut pula merupakan petikan yang menunjukkan situasi yang sama seperti adegan di atas:

“Kenapa?”
“Dia ambil gelang dan rantai aku, tak diberitahu pun.”
“Bila”
“Petang kelmarin.”
Aku tersentak. Aku merenungi emak. “Sungguh?”
Aku bertanya agak keras.
“Barangkali dia gadai beli kipas angin.”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:67)

Kedua-dua karya ini memaparkan situasi konflik yang sama kepada pembaca dan penonton cuma pengarah drama telah menukar kepada penghawa dingin kerana pada masa ini majoriti masjid telah menggunakan penghawa dingin dan penghawa dingin merupakan peralatan elektrik yang mahal sama seperti kipas yang merupakan peralatan elektrik yang mahal pada masa dahulu. Hj. Abdullah atau Bapa bertindak sedemikian rupa disebabkan jumlah pendapatan hidupnya tidak banyak kerana selain menjadi imam, dia hanya bekerja sebagai pesawah padi sahaja.

Justeru itu, pengarah dilihat mempunyai komitmen yang tinggi dalam mengikuti setiap plot di dalam novel untuk diadaptasi ke dalam drama tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang terpaksa diubah seperti barang elektrik kerana novel tersebut dihasilkan pada penghujung tahun 90-an manakala drama dihasilkan pada tahun 2010-an yang mempunyai beberapa perubahan dari sudut harta benda yang digunakan oleh masyarakat.

KONFLIK YANG MELANDA KELUARGA

Menurut Weber (2021), konflik yang berlaku dalam sosial masyarakat mempunyai kaitan dengan politik dan ekonomi disebabkan oleh dua kumpulan iaitu golongan berkuasa dan golongan kaya. Weber (2021), turut menambah bahawa individu yang berada dibawah akan berasa marah dan kecewa dengan sikap dan tindakan yang diambil oleh golongan berkuasa dan golongan kaya sehingga wujudnya protes dalaman dan kadang-kadang membawa kepada protes luaran iaitu protes yang jelas di depan mata. Konflik ini tidak akan terlerai sekiranya pihak-pihak di atas tidak mengambil langkah bijak untuk menyuraikannya. Dalam drama *Ayahanda*, terdapat beberapa plot yang melibatkan konflik sosial yang berlaku dalam keluarga dikeluarkan dan menambah plot-plot yang baharu sambil mengekalkan beberapa konflik sosial yang terdapat dalam novel. Konflik sosial yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga melibatkan anak dengan mak ayah atau sesama adik beradik. Berikut merupakan adegan yang memaparkan berlaku pertengkaran antara Hj. Abdullah dengan Aziz berkaitan isu peletakan jawatan sebagai imam:



Gambar 4: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz bersama adik-beradiknya menasihatkan ayahnya meletakkan jawatan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 39:20

Perkara ini berlaku disebabkan sikap seorang ayah yang merasakan dirinya paling tepat dalam membuat keputusan ke atas dirinya dan tiada pihak lain yang berhak masuk campur dalam hal ehwal dirinya. Perkara ini diadaptasi daripada petikan yang terdapat dalam novel *Ayahanda*. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan watak Bapa merupakan seorang yang tidak boleh ditegur atau dinasihati kerana itu merupakan sikapnya sejak muda. Berikut merupakan petikan yang terdapat dalam novel *Ayahanda*:

..... Jangan sesiapa tegah kalau dia hendak buat. Jangan sesiapa suruh kalau bapa tidak mahu. Ini perangai bapa sejak zaman menikah dengan emak dahulu...

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 78)

Walaupun terdapat beberapa petikan lain yang menunjukkan Hj. Abdullah atau Bapa enggan melepaskan jawatan imam dan anaknya meminta ayahnya meletakkan seluruh jawatan namun petikan ini diambil bagi membuktikan yang watak tersebut merupakan seorang yang degil dan keras kepala yang tidak mahu mendengar arahan sehingga menyebabkan berlaku konflik antara kampung dengan keluarga mereka. Penambahan unsur luar ke dalam plot cerita meskipun tidak wujud pada karya asal menambah kefahaman dan pembuktian daripada karya asal berkaitan konflik yang berlaku dalam keluarga Aziz.

KONFLIK AGAMA YANG TERCETUS DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Menurut Weber (1920), konflik agama sering tercetus disebabkan wujud pertikaian dalam ahli kumpulan agama yang menginginkan perubahan demi perubahan dalam pergerakan kumpulan agama mereka sehingga berlaku protes disebabkan keselesaan ketua kumpulan dengan cara lama dalam mengamalkan tatacara kehidupan agama. Oleh yang demikian, wujud perpecahan dalam kalangan masyarakat yang menganut agama yang sama akibat ketidaksefahaman yang berlaku dalam kalangan mereka. Hal ini turut wujud dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda* yang menonjolkan pertelingkahan antara Hj. Abdullah atau Bapa dengan kariah masjid. Antara punca konflik antara kariah masjid dengan watak Hj. Abdullah atau Bapa dalam kedua-dua karya ialah watak tersebut tidak ingin mengundurkan diri daripada terus menjadi tenaga pengajar agama walhal kariah masjid menginginkan orang yang lebih muda dan bersemangat dalam mengajar agama. Berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi tersebut dalam novel *Ayahanda*:

Khomsiah juga memberitahu, sudah ada usul daripada beberapa orang supaya dicari sahaja seorang guru agama muda yang pengajarannya agak moden.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 70)

Konflik ini juga turut diadaptasi ke dalam drama *Ayahanda* oleh pengarah dengan menunjukkan suasana sebenar usul yang dibawa oleh beberapa orang masjid yang menginginkan perubahan pada guru yang mengajar dan imam masjid. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 5: Tangkap layar yang menunjukkan Mat Rejab dan rakan-rakan mengusulkan pertukaran guru agama yang baharu

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 6, minit 36:50

Konflik ini berlaku disebabkan teknik penyampaian dan penggunaan kitab yang sama digunakan oleh Hj. Abdullah atau Baba membuatkan jemaah menginginkan perubahan kepada individu yang menyampaikan ajaran agama tersebut. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan situasi berkenaan dalam novel *Ayahanda*:

Dalam keadaan daif itu bapa terus membaca *Matla' al-Badrain*. Bapa baca setengah muka sahaja. Tetapi bapa hairan, anak jemaah tidak lagi seramai dahulu. Yang tinggal cuma lima enam orang yang sudah tua, yang setia pada masjid.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 28)

Ada seorang dua anak muda yang rajin berjemaah waktu maghrib dan isyak bersungut yang bacaan kitab bapa masih ditakuk lama. Tidak ada tafsiran baru, kolot dan cara tua.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:37)

Oleh yang demikian, penambahan unsur baharu ke dalam drama adaptasi dilihat mempunyai hubungkait dengan alur cerita karya asal yang memberi kefahaman lebih baik kepada penonton berkaitan isu ini. Jika dalam novel, penolakan Hj. Abdullah hanya dipaparkan secara umum sahaja namun dengan penambahan unsur ini, konflik yang ingin ditonjolkan oleh pengarah akan lebih jelas dilihat oleh penonton. Oleh itu, pengarah dilihat berjaya menambah adegan baharu dalam drama namun masih mengekalkan plot cerita yang asal agar keaslian karya asal masih dikekalkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, konflik-konflik masyarakat yang wujud dalam kedua-dua karya berjaya dikenalpasti dengan jayanya. Berdasarkan Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber, konflik-konflik masyarakat yang terdapat dalam novel dan drama *Ayahanda* dipecahkan kepada empat kategori iaitu politik, ekonomi, sosial dan agama. Pengadaptasian yang dilakukan oleh pengarah drama *Ayahanda* dilihat masih mengekalkan sebahagian besar konflik yang berada dalam karya asal. Walau bagaimanapun, penambahan beberapa adegan baharu yang tidak terdapat dalam karya asal dilihat mampu memberi satu titik nilai tambah kepada penonton untuk memahami dengan lebih mendalam konflik yang ingin disampaikan oleh penulis. Konflik-konflik masyarakat yang diadaptasi daripada karya tersebut dilihat mampu memberi mesej kepada masyarakat berkaitan isu yang sering membelenggu masyarakat hari ini berkaitan persengketaan dan pertelingkahan yang melanda masyarakat tanpa mencari jalan solusi yang terbaik. Oleh itu, konflik masyarakat yang terdapat dalam drama *Ayahanda* merupakan kesinambungan yang terdapat dalam novel tersebut dan pengarah berjaya mengolah dengan lebih baik isi kandungan yang terdapat dalam novel tersebut.

RUJUKAN

- Azizi Hj. Abdullah. (1997). *Ayahanda*. Creative Enterprise Sdn. Bhd
- Ahmad Tarmimi Siregar. (Pengarah). (2021). *Ayahanda* (Drama). Disney+Hotstar.
https://www.hotstar.com/my/shows/ayahanda/1260064734/replaced/1260064905/watch?filters=content_type%3Depisode
- Cambridge University Press. (n.d.). Upcycling. In *Cambridge dictionary*. Retrieved November 10, 2023, from <https://dictionary.cambridge.org/us/dictionary/english/upcycling>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Max Weber. (2007). *The protestant ethic and the spirit of capitalisme*. Oxford University Press.
- Max Weber. (2021). *Basic concepts in sociology*. Hassel Street Press.
- Max Weber. (1993). *The sociology of religion*. Beacon Press
- Max Weber. (2015). *Weber's rationalism and modern society*, tr. and ed. Tony Waters and Dagmar Waters (New York: Palgrave Macmillan); as "Politics as Vocation"

- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Musliza Ahmad & Malike Ibrahim. (2014). *Politik organisasi: Punca dan penyelesaian*. In: 1st National Conference on Management and Communications (NCMC) 2014, 15-16 November 2014, Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2018). *Unsur konflik dalam novel Nenek karya Razali Endun*. *Malay Literature*, 31(1), 124-142.
- Syd Field, 1990. *Lakon Layar Asas Penulisan Skrip*. Diterjemah oleh Raja Omar Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Teh & Md Salleh Yappar (2015), Pandangan S. Othman Kelantan dan U-Wei Haji Shaari terhadap masyarakat Melayu Kelantan dan Patani: adaptasi daripada novel Juara kepada filem Jogho. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 224-244.